

Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam Kalangan Mahasiswa di Selangor

Noor Shahirah Muhammad Nizam & Azlina Mohd Khir

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Malaysia

shahirahnizam95@yahoo.com & m_azlina@upm.edu.my

Pengenalan

Dalam sejarah, istilah tingkah laku prososial digunakan sejak tahun 1970-an dan para saintis sosial menggunakan istilah ini sebagai antonim kepada tingkah laku antisosial. Tingkah laku prososial adalah suatu perbuatan menolong, memberi dan mengambil berat yang dilakukan oleh seseorang tanpa ada rasa terpaksa dan bukan kerana ada kepentingan untuk diri mereka sendiri (Ma`rof, 2001). Tingkah laku prososial ini mempunyai dua konsep yang berbeza iaitu pertama ialah perbuatan atau aktiviti menolong, manakala yang kedua adalah altruisme. Altruisme ialah mengambil berat mengenai kebajikan orang lain dengan niat yang ikhlas dan memenuhi keperluan orang lain tanpa mengharapkan sebarang bentuk balasan daripada tindakannya itu (Taylor *et.al*, 2009). Tingkah laku prososial boleh terjadi kerana sikap bertanggungjawab serta tahap moral yang tinggi yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup orang yang menerima bantuan. Melalui kemahiran membantu seseorang individu dapat memberi manfaat kepada orang lain (Grusec *et al.*, 2002). Di Malaysia boleh dilihat kurangnya keprihatinan untuk menolong seperti contoh, kes penderaan adik Syafia Humaira yang telah didera oleh kekasih ibunya sehingga maut (Berita Harian, 2010). Hakikatnya tingkah laku prososial amat penting dan perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi belia yang merupakan pemangkin masa hadapan negara. Begitu juga dengan mahasiswa yang mempunyai peranan penting serta menjadi ikutan dan model dalam segenap aspek dan terutamanya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat sekeliling. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa.

Metodologi

Responden kajian ini terdiri daripada 127 orang mahasiswa tahun akhir, aliran sains sosial dari Fakulti Ekologi Manusia, UPM dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di UKM. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri. Instrumen kajian terdiri

daripada satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu 1) Maklumat Latar Belakang Responden; dan 2) *Prosocial Tendencies Measure* (PTM) oleh Carlo dan Randall (2002) dengan Alpha Cronbach's 0.619. PTM mempunyai 23 item yang mewakili 6 dimensi iaitu altruistik, mematuhi, emosi, mengerikan, orang ramai dan *anonymous*. Pemarkatan adalah berdasarkan skala likert lima pilihan iaitu dari "Tidak menggambarkan diri saya langsung" (1) kepada "Menggambarkan diri saya dengan tepat" (5). Julat skor adalah antara 12 hingga 44 dan seterusnya dibahagikan kepada tiga tahap. Skor yang semakin tinggi menunjukkan kecenderungan tingkah laku prososial responden berada pada tahap yang tinggi.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Dimensi Kecenderungan Tingkah Laku Prososial

Terdapat 6 dimensi kecenderungan tingkah laku prososial iaitu altruistik, mematuhi, emosi, mengerikan, orang ramai dan *anonymous*. Dimensi *anonymous* mempunyai nilai min tertinggi iaitu 3.548 (S.P. = 4.29), diikuti oleh dimensi mematuhi (min = 3.435, S.P. = 1.92), dimensi emosi (min = 3.363, S.P. = 3.38) dan dimensi mengerikan (min = 3.257, S.P. = 2.52). Dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswa lebih berkecenderungan untuk bertingkah laku prososial dalam keadaan tidak diketahui, mematuhi, emosi dan mengerikan. Walau bagaimanapun, dua dimensi yang mempunyai nilai min terendah ialah altruistik (min = 2.414, S.P. = 4.79) dan orang ramai (min = 2.283, S.P. = 3.47). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Carlo dan Randall, (2002) yang mendapati bahawa dimensi altruistik dan orang ramai mempunyai min yang rendah berbanding dengan dimensi yang lain. Seseorang itu mempunyai kurang kecenderungan untuk bertingkah laku prososial sekiranya dalam situasi orang ramai.

Tahap Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam kalangan Mahasiswa di Selangor

Didapati bahawa kecenderungan tingkah laku prososial mahasiswa berada pada tahap sederhana (70.1%), diikuti dengan tahap rendah (15.7%) dan tahap tinggi iaitu (14.2%). Dapatan kajian ini menunjukkan kecenderungan tingkah laku prososial mahasiswa berada pada tahap sederhana dan diikuti tahap rendah. Majoriti mahasiswa yang dikaji mempunyai kecenderungan untuk membantu individu lain yang mengalami kesusahan. Namun, masih wujud mahasiswa yang tidak mempunyai kecenderungan untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan.

Perbezaan Kecenderungan Tingkah Laku Prososial dalam kalangan Mahasiswa Berdasarkan Gender

Analisis ujian-t digunakan untuk menentukan perbezaan kecenderungan tingkah laku prososial (altruistik, mematuhi, emosi, mengerikan, orang ramai dan *anonymous*) dalam kalangan mahasiswa berdasarkan gender. Hasil kajian menunjukkan, kecenderungan tingkah laku prososial mempunyai perbezaan yang signifikan bagi dimensi altruistik ($t(125) = 4.08, p = 0.00$), dimensi emosi ($t(125) = 1.95, p = 0.05$), dimensi mengerikan ($t(125) = 1.95, p = 0.05$) dan dimensi orang ramai ($t(125) = 4.47, p = 0.00$).

Secara keseluruhan, didapati bahawa responden lelaki lebih cenderung untuk menawarkan bantuan dalam keadaan berbahaya atau mengerikan daripada responden perempuan. Walau bagaimanapun, responden perempuan didapati lebih cenderung untuk membantu dalam situasi yang mereka anggap sebagai “selamat”. Ini disokong oleh Eagly dan Crowley, (1986) yang mendapati faktor gender berperanan dalam menjelaskan hubungan antara tingkah laku prososial dengan sifat keberanian. Lelaki lebih berani berbanding perempuan dalam bertingkah laku prososial. Secara keseluruhannya, lelaki mempunyai tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang lebih tinggi berbanding responden perempuan (Carlo et. al, (1999); Carlo & Randall, (2002)).

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini mendapati bahawa mahasiswa yang dikaji mempunyai tahap kecenderungan tingkah laku prososial yang sederhana. Dimensi utama yang mendorong mahasiswa melakukan tingkah laku prososial adalah dimensi *anonymous*, diikuti oleh mematuhi, emosi dan mengerikan. Dimensi *anonymous*, merupakan faktor utama kerana mahasiswa lebih selesa menghulurkan bantuan tanpa dikenali oleh mangsa dan orang ramai. Selain itu, kajian mendapati terdapat perbezaan kecenderungan tingkah laku prososial antara mahasiswa lelaki dan perempuan. Mahasiswa lelaki lebih cenderung bertingkah laku prososial berbanding perempuan. Secara keseluruhannya, kecenderungan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa masih lagi berada pada tahap sederhana. Oleh itu, tingkah laku prososial perlu diterapkan dalam kalangan mahasiswa menerusi pelbagai aktiviti yang melibatkan tanggungjawab sosial seperti aktiviti kesukarelawanan. Diharap para pengkaji sains sosial untuk membuat kajian yang lebih mendalam terhadap sikap prososial rakyat Malaysia. Ini kerana kajian seperti ini kurang dilakukan di Malaysia berbanding dengan negara maju. Di negara maju seperti Jepun dan Korea, mereka sangat menggalakkan masyarakat

mereka terutama generasi Y untuk sentiasa bertingkah laku prososial dalam kehidupan seharian. Justeru, masyarakat disarankan agar mengamalkan budaya tolong-menolong apabila melihat sesuatu hal kecemasan yang berlaku, disamping mempunyai kesedaran dan komitmen untuk membantu masyarakat.

Bibliografi

Berita Harian. *Teman lelaki ibu mangsa dera, Syafia Humaira dituduh di mahkamah*. 2010, March 11

Carlo, G., & Randall, B. A., (2002). The Development of a Measure of Prosocial Behaviors for Late Adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 31(1), 31-44.

Carlo, G., Roesch, S. C., and Koller, S. H. (1999). Similarities and differences in prosocial moral reasoning between Brazilian and Anglo-American college students. *Interam. J. Psychol.* 33: 151–172.

Eagly, A. H., & Crowley, M. (1986). Gender and Helping behavior: A meta analytic review of the social psychological literature. *Psychological Bulletin*, 100, 283-308.

Grusec J. E., Davidov M, Lundell L. (2002). Prosocial and helping behavior. In *Blackwell Handbook of Childhood Social Development: Blackwell Handbooks of Developmental Psychology*, ed. PK Smith, CH Hart, pp. 457–74. Malden, MA: Blackwell Sci.

Ma'rof, R. (2001), Psikologi Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia Serdang SENARAI IPTA. (n.d.). Retrieved November 27, 2014, from <http://jpt.moe.gov.my/>

Taylor, & Shelley E. (2009). *Psikologi Sosial*. Edisi Kedua Belas, Penerbit Kencana, Jakarta.